

Dibelasah, dirotan dan diterajang kerana telefon bimbit

Empat pelajar jadi 'karung tinju' senior

KOSMO 4/40 (12/12/2021) M/S 02

Oleh ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN

KUANTAN – Dua jam dikurung di dalam sebuah bilik diibaratkan berada dalam 'neraka' oleh empat pelajar apabila mereka dijadikan seperti 'karung tinju' oleh sekumpulan lapan senior yang membelasah mereka selepas berangkat dengan tindakan mangsa menonton video melalui telefon bimbit.

Kejadian itu didakwa berlaku pada Jumaat minggu lalu apabila kesemua mangsa berusia 14 tahun itu dikurung di dalam bilik sebelum dipukul, ditumbuk, disepak serta dikenakan hukuman rotan oleh sekumpulan pelajar tingkatan empat dan lima.

Salah seorang ibu mangsa yang ingin dikenali sebagai Liza, 42, berkata, anaknya menceritakan yang mereka tidak mampu berbuat apa-apa selain membiarkan tubuh mereka dibelasah secukup-cukupnya oleh senior tersebut.

Katanya, mereka tidak dapat melarikan diri kerana pintu dikunci dan terdapat lebih 10 pelajar lain dalam bilik itu yang sedia membelasah mereka.

"Tbu mana yang sanggup mendengar anaknya dibelasah dan sudah tentu saya sedih apabila anak mengatakan dia ditumbuk, ditendang, dirotan.

"Tidak cukup dengan itu, senior itu sempat bertanya sudah hilang sakit atau belum dan kalau



RENTETAN gambar menunjukkan kesan lebam yang terdapat pada paha dan lengan pelajar tingkatan dua selepas dibelasah sekumpulan senior di sebuah sekolah di Pahang Jumaat minggu lalu.

kata sudah hilang, mereka akan terus membelasah lagi sehingga puas," katanya kepada *Kosmo!* *Ahad* semalam.

Tambahnya, jika anaknya bersalah sekali pun, dia sepatutnya diserahkan kepada guru untuk diadili dan bukannya diberi kepada pelajar lain untuk menghu-

kumnya.

Menurut Liza, ekoran kejadian itu, dia dan suami telah membuat laporan polis pada Isnin lalu selepas melihat anaknya mengalami kesan lebam pada bahu, paha, bawah mata, lengan dan kesan rotan di punggung.

"Ekoran perbuatan biadab

senior itu, anak saya trauma dan tidak mahu lagi ke sekolah berkenaan kerana takut dipukul," katanya.

Ujar Liza, ketika ini masih ada lagi kesan lebam pada badan anak ketiga daripada empat beradik itu selain masih terasa sakit ketika berjalan dan tidak

berdaya untuk tunduk kerana turut diterajang pada perut dan punggung.

Liza mendakwa, dia juga kecewa dengan sikap warden sekolah itu yang seolah-olah membela pelajar senior tersebut.

"Dia tidak benarkan saya mengambil anak pada awalnya selain memberi alasan dia tidak mampu menjaga 300 pelajar di asrama pada satu-satu masa.

"Warden juga perli anak saya dengan mengatakan boleh pula berjalan ke kereta ketika anak saya datang berjumpanya dan memberitahu supaya buat laporan polis kalau tidak puas hati akibat dipukul," katanya.

Seorang lagi penjaga, Azizah, 44, berkata, dia kecewa kerana anaknya turut dibelasah oleh senior selepas didapati membawa telefon bimbit ke asrama.

Dia yang turut membuat laporan polis pada Isnin lalu berkata, anaknya mengalami kesan lebam bahu, pipi serta kesan parut rotan pada bahagian punggung.

"Anak saya trauma dan takut untuk kembali ke sekolah, malah pada awalnya dia hanya asyik telefon tetapi cuba berselindung kononnya jatuh katil kerana takutkan ugutan pelajar senior," ujarnya.

Sementara itu Ketua Polis Daerah Rompin, Deputy Superintendan Mohd. Azahari Mukhtar mengesahkan pihaknya menerima laporan kes tersebut dan siasatan sedang dilakukan.